



KEMENTERIAN KEMAJUAN  
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**MAJLIS PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT  
DAN  
MAJLIS PENYERAHAN  
PROGRAM PEMASANGAN LAMPU JALAN KAMPUNG (LJK) TAHUN  
2017 NEGERI JOHOR  
OLEH YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**PADA 9 FEBRUARI 2018 (JUMAAT)**

**JAM 3.30 PETANG**

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa,

1. Pertama sekali, saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan perkenanNya, kita sama-sama dapat berada di Majlis Perasmian Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Tahun 2017 Negeri Johor, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang penuh makna ini khususnya bagi masyarakat setempat.
2. Kerajaan kita sememangnya sangat prihatin dan mengambil berat terhadap keperluan asas rakyat. Keprihatinan ini bukan hanya dizahirkan melalui ucapan, tetapi ianya diterjemahkan melalui komitmen berterusan terutamanya dalam aspek penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air bersih, bekalan elektrik, kemudahan jalan dan juga kediaman yang sempurna.  
  
❖ Tuan-puan para hadirin sekalian,
3. Kerajaan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah membelanjakan anggaran RM245 juta untuk pembiayaan lebih 317,000 unit LJK di seluruh Negara bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-Lapan (RMKe-8) sehingga Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) Tahun 2016. Daripada jumlah ini, sejumlah 258,000 unit LJK telah dipasang di Semenanjung Malaysia, 31,811 unit di Sabah dan 27,259 unit di Sarawak.
4. Menerusi RMKe11 juga, Kerajaan pimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak dalam ucapan Bajet Tahun 2017 pada 21 Oktober 2016 telah umumkan peruntukan berjumlah RM100 juta di bawah Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) seluruh negara bagi pemasangan kira-kira 110,000 unit LJK. Daripada jumlah ini, 6,333 unit LJK adalah jenis LED dan selebihnya dari jenis *High Pressure Sodium Vapour* (HPSV).
5. Pada tahun 2017, kita telah melaksanakan Program LJK Fasa 8 untuk negeri Johor. Dalam membuktikan betapa prihatinnya Kerajaan terhadap keperluan rakyat terutamanya di kawasan luar bandar, Kementerian telah menyediakan peruntukan sebanyak RM8.33 juta bagi pemasangan 13,486 unit LJK di 1,555 buah kampung di seluruh Johor. Daripada jumlah ini, 486 unit merupakan LJK dari jenis LED.
6. Untuk makluman para hadirin, sasaran tumpuan atau lokasi pemasangan LJK jenis LED ini adalah di kawasan strategik umum dan simpang-simpang utama jalan. Inisiatif ini menjadikan kawasan-kawasan kampung yang mungkin dahulunya gelap, kini bercahaya seakan-akan seperti kawasan bandar. Bagi memastikan perkara ini, Kerajaan menanggung kos bagi operasi dan

senggaraan kesemua LJK yang dipasang ini dengan anggaran lebih RM70 juta setiap tahun.

❖ Tuan-puan para hadirin sekalian,

7. Saya juga ingin nyatakan di sini bahawa Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah turut melaksanakan pelbagai program pembangunan luar bandar di Negeri Johor. Pada tahun 2018, bagi projek-projek pembangunan infrastruktur;
  - i. Enam projek Jalan Luar Bandar (JALB) telah diluluskan melibatkan kos berjumlah RM347juta;
  - ii. Tiga projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang melibatkan kos sebanyak RM13.7juta; dan
  - iii. Satu projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dengan kos sebanyak RM12.7juta.
8. Bagi Projek Jalan Kampung (PJK) dan Program Ameniti Sosial sebanyak 408 projek telah dilaksanakan pada tahun 2017 dengan kos berjumlah RM16.85juta. Sehingga awal Februari 2018 sebanyak RM980ribu telah diagihkan ke Negeri Johor bagi pelaksanaan 24 projek jalan kampung dan ameniti sosial.
9. Selain daripada itu, di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) bagi tahun 2017 sebanyak RM10.7juta telah dibelanjakan bagi membina baru 80 buah rumah dan membaik pulih 480 buah rumah. Manakala sehingga suku tahun pertama ini, sebanyak RM10.9juta telah diagihkan bagi Negeri Johor bagi membina 47 buah rumah baru dan membaik pulih 637 buah rumah.
10. Kementerian akan meneruskan usaha untuk pelaksanaan program-program ini kerana menyedari bahawa inisiatif ini dapat membantu meningkatkan kesejahteraan hidup, meningkatkan pendapatan melalui aktiviti ekonomi setempat, mencegah kegiatan jenayah dan memperkasakan aktiviti modal insan. Manfaat-manfaat ini akan melahirkan penduduk luar bandar yang berdaya saing sekaligus membantu menyumbang kepada pengurangan bilangan miskin tegar di kalangan penduduk luar bandar.
11. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, khususnya kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Pejabat-pejabat Daerah, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan kepimpinan tempatan atas kerjasama yang diberikan dalam membantu Kementerian merealisasikan projek ini. Jalinan kerjasama yang erat amatlah diperlukan kerana agensi di peringkat akar-umbi, daerah dan negerilah yang benar-benar mengenali dan memahami situasi sebenar

penduduk di luar bandar. Diharapkan agar kerjasama ini terus utuh untuk manfaat penduduk luar bandar yang berkemungkinan merupakan sebilangan besar daripada hadirin yang berada di depan saya dalam majlis ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum WBT dan Salam Sehati Sejiwa.